



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18/12/2018



DR. MAHATHIR MOHAMAD melihat pameran semasa hadir sesi dialog bersama pemain industri di Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi di Cyberjaya, semalam. - BERNAMA

Mesti ada sebab tersendiri - Dr. M

UM
- 18/12/2018
m/s: 3

Oleh HAKIMI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ CYBERJAYA 17 DIS.

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin Nurul Izzah Anwar mempunyai sebab tersendiri di atas keputusan melepaskan semua jawatannya hari ini.

Dr. Mahathir merangkap Pengerusi Pakatan Harapan (PH)

bagaimanapun berkata, beliau tidak tahu apa yang berlaku kepada PKR ketika ini.

"Beliau mesti ada sebab, saya tidak tahu apa yang berlaku kepada PKR," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri sesi dialog bersama 50 pemain industri di Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) di sini hari ini.

Nurul Izzah hari ini mengu-

mumkan peletakan jawatan sebagai Naib Presiden PKR serta mengundurkan diri daripada pelantikannya sebagai Pengerusi PKR Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika ditemui pada majlis yang sama berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Nurul Izzah bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai tindakannya itu.